



(37) KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 42

19 Julai 2010

Ketua Pengarang,
Harian Metro

Akhbar : Harian Metro
Tarikh : 9 Julai 2010
Muka Surat : 62
Subjek : Pemaju enggan serah kunci

Merujuk kepada perkara diatas, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pihak Berita Harian kerana mengketengahkan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Perumahan Negara telah meneliti laporan tersebut dan membuat semakan terhadap isu yang dikemukakan iaitu berkaitan pembeli-pembeli rumah Taman Mutiara Mahkota yang mendakwa pihak pemaju gagal menyerahkan rumah yang dibeli oleh mereka dalam masa yang dijanjikan.

Sepertimana kenyataan di dalam keratan akhbar tersebut, Pemilikan Kosong (VP) sepatutnya diterima oleh pembeli pada September 2009 namun sehingga kini pemaju masih gagal menyerahkan VP kepada pembeli.

Hasil semakan Jabatan Perumahan Negara mendapati bahawa projek ini telah diklasifikasikan sebagai projek sakit yang mana disebabkan oleh kelewatan pihak pemaju perumahan tersebut iaitu ECS Mutiara Sdn Bhd mendapatkan Sijil Layak Menduduki (CFO) daripada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Punca kelewatan tersebut adalah disebabkan kegagalan pemaju mendapatkan sokongan daripada Indah Water Konsortium (IWK) berkenaan sistem pembentung projek tersebut. Walau bagaimanapun ianya telah pun dapat diselesaikan dan CFO dijangkakan akan diperolehi selewat-lewatnya pada 30 Julai 2010.

Dikeluarkan oleh,

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan